

Dapatkah Trauma Keganasan Chin Peng Dilupakan?

Adakah rakyat Malaysia sudah matang untuk sama ada menerima atau menghukum seseorang berdasarkan kepada sejarah yang ada? Mereka perlu menentukan dengan adil apa implikasi yang akan dihadapi oleh Chin Peng jika dia dibenarkan pulang ke Malaysia



Oleh DR. KAMARULNIZAM ABDULLAH

PERMOHONAN Chin Peng, bekas Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM) yang melancarkan perang gerila terhadap kuasa kolonial British selepas Perang Dunia Kedua dan kemudiannya terhadap kerajaan Malaya dan Malaysia selepas kemerdekaan, harus dilihat dari pelbagai aspek. Alasan utama pemimpin PKM dari Sitiawan yang digeruni pada suatu ketika dahulu ialah dia ingin menghabiskan sisa-sisa hidupnya di Malaysia. Dia diberitakan melalui orang sebagai mahu melawat sanak saudara di samping mengunjungi kubur kaum keluarganya.

Walaupun demikian, rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, melalui media-media cetak agak berbelah bahagi dengan permintan tersebut. Bagi mereka yang pernah merasai keperitan hidup di bawah kekejaman Bintang Tiga (satu nama yang juga dikaitkan dengan PKM) terutamanya yang telah kehilangan keluarga, kepulangan Chin Peng akan mengembalikan mimpi ngeri dan nostalgia pahit mereka.

Tetapi ada juga berpendapat bahawa Perang Dingin telah pun berakhir dan ancaman komunis tidak dilihat lagi sebagai ancaman utama negara, maka permohonan Chin Peng harus diberi pertimbangan sewajarnya. Menurut pendapat ini, Chin Peng tidak lagi boleh dilihat sebagai mengancam keselamatan negara kerana PKM sendiri telah berkubur. Pendapat ini juga menambah bahawa rakyat Malaysia harus diberi peluang untuk mempelajari sejarah silam mereka dan tidak harus ditakut-takutkan dengan ancaman ideologi komunisme yang sememangnya tidak diterima oleh majoriti rakyat negara ini. Tambahan pula menghalang kepulangan Chin Peng tidak akan mempunyai apa-apa makna kerana beliau boleh menggunakan mana-mana pasport negara-negara di dunia untuk kembali tanpa disedari oleh rakyat Malaysia.

Pendirian kerajaan sekarang ini adalah tunggu dan lihat walaupun secara tersiratnya, seperti mana yang dilaporkan di dalam akhbar-akhbar tempatan baru-baru ini, kerajaan agak keberatan untuk menerima Chin Peng kembali ke tanah air. Di samping itu, kerajaan nampaknya tidak mahu mencetuskan provokasi atau perdebatan yang hangat mengenai isu Chin Peng lebih-lebih lagi demam pilihan raya semakin menular sekarang ini.

Walau bagaimanapun, beberapa aspek persoalan harus dilihat dan dibincangkan mengenai kewajaran kepulangan semula Chin Peng ke Malaysia.

Persoalan pertama yang harus diutarakan ialah sama ada Chin Peng masih lagi merupakan ahli PKM yang diharamkan oleh kerajaan. Walaupun perjanjian perdamaian telah ditandatangani di Hatyai beberapa tahun lalu di antara dua kerajaan - Malaysia dan Thailand - dengan PKM, secara teorinya PKM masih lagi wujud dan belum dibubarkan. Malah kebanyakan ahli PKM termasuklah Rashid Maidin dan rakan-rakannya mengambil keputusan menghabiskan sisa-sisa kehidupannya di selatan Thailand. Berdasarkan pertemuan ahli penyelidik Malaysia dengan para bekas ahli PKM ini, mereka nampaknya masih lagi mempunyai perasaan yang menebal mengenai ideologi dan perjuangan PKM. Hanya kerana diri yang semakin dimamah usia, maka mereka sudah tidak lagi

berupaya untuk mengangkat senjata dan memperjuangkan cita-cita mereka.

Berdasarkan buku Chin Peng bertajuk *My Side of History* yang diterbitkan oleh Select Book Singapura, tidak dapat dinafikan Chin Peng masih percaya dengan ideologi yang diperjuangkannya selama ini dan juga merupakan ahli dan ketua kepada PKM yang diharamkan. Atas aspek ini, kerajaan masih lagi mempunyai kuasa untuk menahan beliau kerana menganggotai dan mengautai pertubuhan yang diharamkan sejak sekian lama. Walaupun dalam Perjanjian Damai Hatyai kerajaan Malaysia bersedia mengampunkan ahli-ahli PKM, pengampunan tersebut adalah bersyarat. Mereka hanya diampunkan jika mereka bersedia untuk menguburkan ideologi komunisme mereka dan membubarkan PKM. Tetapi syarat ini tidak diterima oleh ahli-ahli PKM ini!

Walaupun demikian, mereka yang menyokong kepulangan Chin Peng berhujah bahawa Chin Peng sebenarnya bersedia untuk membubarkan PKM di dalam Perjanjian Baling tetapi tidak menolak cita-cita mereka untuk mewujudkan negara komunis di Malaya pada ketika itu. Oleh yang demikian, tidak timbul persoalan bahawa mereka tidak mahu membubarkan PKM tetapi syarat yang dikemukakan telah ditolak oleh Tunku Abdul Rahman dan David Marshal pada ketika itu.

Persoalan kedua ialah apakah kerajaan dan rakyat Malaysia harus melupakan segala kekejaman yang dilakukan oleh Chin Peng dan sekutunya? Adakah seorang yang telah melakukan jenayah berat dengan membunuh beribu-ribu nyawa yang tidak berdosa dibiarkan bebas hanya kerana beliau insaf, sudah tua dan ingin kembali ke pangkal jalan? Jika perkara ini mendasari pemikiran rakyat dan kerajaan Malaysia, maka mereka yang melakukan jenayah berat dengan hanya membunuh seorang sahaja harus juga diberi peluang tanpa diberi hukuman yang berat.

Rakyat Malaysia, oleh yang demikian, juga mempunyai hak bagi menuntut Chin Peng dibawa ke muka keadilan di atas segala kekejaman yang telah dilakukannya antara tahun 1950-an dan 1970-an dahulu.

Di atas alasan di atas jugalah kebanyakan ahli-ahli PKM mengambil keputusan untuk menetap di selatan Thailand daripada kembali semula ke Malaysia kerana takut menghadapi desakan rakyat Malaysia untuk mereka dibicarakan.

Persoalan ketiga ialah adakah rakyat dan kerajaan Malaysia bersedia melupakan trauma yang melanda pada masa lalu dan membiarkan sejarah menentukan segala-galanya. Dalam erti kata lain, rakyat Malaysia sudah matang untuk sama ada menerima atau menghukum seseorang berdasarkan kepada sejarah yang ada. Biarkan mereka menentukan dengan adil implikasi yang akan dihadapi oleh Chin Peng jika beliau dibenarkan pulang ke Malaysia. Dari satu segi, kepulangan beliau akan memperkayakan khazanah sejarah negara di samping memperlihatkan sikap keterbukaan rakyat dan kerajaan dan dari segi yang lain, ia juga menunjukkan rakyat Malaysia sudah tidak memandang ke belakang dan terus bergerak ke hadapan untuk kemajuan dan pembangunan negara. □

* Dr. Kamarulnizam Abdullah ialah Pensyarah Pusat Pengajian Strategik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau boleh dihubungi di alamat e-mel nizam@pkrcc.ukm.my.